

India jamin kaji semula duti import minyak sawit

BH 15 MAY 2001

Oleh Kadir Dikoh dan Zainab Mohd Yatim

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, India memberi komitmen untuk mengkaji mengurangkan duti import minyak sawit Malaysia.

Perdana Menteri berkata, komitmen itu dinyatakan rakan sejawatannya, Atal Bihari Vajpayee dalam pertemuan mereka, di Putrajaya semalam.

Mengulas mengenai perkara yang sama, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dalam sidang akhbar selepas pertemuan dengan Vajpayee

Kajian semula perkara itu bertujuan untuk mengurangkan duti import minyak sawit berbanding duti yang dikenakan kepada minyak soya

petang hari yang sama, berkata keputusan kerajaan India berhubung duti import itu penting bagi membantu kemasukan berterusan minyak sawit ke negara berkenaan.

Ini sekali gus, boleh mengurangkan diskaun harga minyak sawit di pasaran antarabangsa yang kini ber-

ada sekitar AS\$80 (RM304) satu tan metrik berbanding minyak soya, katanya.

Lim berkata: "India memberi jaminan akan mengkaji semula perkara ini dengan tujuan untuk mengurangkan duti import minyak sawit berbanding duti yang dikenakan kepada minyak soya."

Katanya lagi, Perdana

Menteri India itu melahirkan rasa simpati dengan keadaan yang berlaku ketika ini.

Perbezaan duti import minyak sawit dan minyak soya ke India kini masing-masing berada pada kadar yang jauh berbeza iaitu 90.4 peratus dan 50.8 peratus. Kadar itu diperkenalkan kerajaan negara itu sejak Februari lalu.

Lim berkata, beliau tidak menafikan bahawa tindakan India menaikkan tarif import berkenaan diambil untuk melindungi petani negara itu, tetapi perbezaan kadar tarif import kedua-dua jenis berkenaan iaitu mencapai 42

peratus, mengurangkan peluang minyak sawit Malaysia memasuki pasaran India.

Dengan jumlah keseluruhan penggunaan minyak sawit sebanyak lima juta tan setahun, India adalah antara pengimport utama minyak sawit Malaysia, dengan jumlah import sebanyak 2.4 juta tan metrik tahun lalu.

Penggunaan minyak makan negara berkenaan dijangka meningkat setiap tahun selaras dengan peningkatan jumlah penduduknya yang meningkat lima peratus dalam tempoh yang sama.

Berita berkenaan yang tidak memberi jawapan kon-

krit sama ada kadar itu akan diturunkan atau tidak menyebabkan harga di pasaran hadapan minyak sawit ditutup lebih rendah semalam. Kontrak penanda aras hadapan, Julai ditutup RM7 lebih rendah pada RM760 selepas mencatat paras tertinggi harian RM777.